

Headline	Program lindungi habitat kelip-kelip elak populasi pupus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,855



Program lindungi habitat kelip-kelip elak populasi pupus

■ Kuala Selangor

Kerajaan Selangor bersedia melakukan apa sahaja untuk melindungi habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Elizabeth Wong Keat Ping, berkata setiap tahun kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM300,000 untuk membantu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalankan penyelidikan dan kerja pembangunan mengenai kelip-kelip.

"Hanya ada dua tempat di dunia ini untuk melihat kelip-kelip iaitu di Brazil dan di Kampung Kuantan. Kelip-kelip di sini sering dikatakan sebagai keajaiban kelapan dunia."

Pelihara kebersihan sungai
"Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk memastikan kita memelihara kebersihan sungai dan tebing sungai serta pokok di sini," katanya selepas menyertai program Junior Eco Troupes, di sini, semalam.

Program berkenaan anjuran bersama Tenaga Nasional Ber-

had (TNB), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Tourism Selangor di Kampung Kuantan, membabitkan 120 murid Tahun Lima dan Enam serta guru dari Sekolah Pintar Asia Pacific di Subang; Sekolah Kebangsaan (SK) Pasangan, Kampung Kuantan dan SK Sultan Abdul Aziz.

Berdasarkan kajian FRIM, antara tahun 2007 hingga tahun 2013, lebih satu pertiga daripada habitat kelip-kelip di kawasan berkenaan musnah dan 38 peratus daripada spesies kelip-kelip juga mengalami kepupusan.

Usaha pulihara habitat

Sementara itu, Pengurus Hal Ehwal Komuniti TNB, Raja Mohd Aman Raja Mohd Tahir, berkata hampir 10 tahun syarikat utiliti itu terbabit dalam usaha memulihara habitat kelip-kelip bagi memastikan populasi serangga berkenaan tidak terus terhapus.

Pada masa sama, katanya, TNB juga meningkatkan taraf hidup penduduk setempat terutama pengusaha bot, selain memperuntukkan kira-kira RM200,000 untuk tujuan pemuliharaan.

"Sehingga kini, kami sudah memberi 30 bot gentian kaca kepada pengusaha bot dan menaik taraf kemudahan awam di

Kampung Kuantan," katanya.

“Sehingga kini, kami sudah memberi 30 bot gentian kaca kepada pengusaha bot dan menaik taraf kemudahan awam di Kampung Kuantan”

Raja Mohd Aman Raja Mohd Tahir,
Pengurus Hal Ehwal Komuniti TNB

FAKTA NOMBOR

38
peratus
kelip-kelip pupus